

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Okttober/November 1992

PLG 428 - Masalah-Masalah dan Isu-Isu Pendidikan Semasa

Masa : [2 jam]

Jawab TIGA soalan sahaja. Jawab KEDUA-DUA soalan dalam BAHAGIAN A dan pilih SATU soalan daripada BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A (Jawab KEDUA-DUA soalan dalam bahagian ini)

1. Teori-teori yang berlainan memberi penerangan yang berbeza terhadap sesuatu fenomena sosial. Terangkan mengapa dasar "Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar" dilaksanakan dalam sistem pendidikan kita berdasarkan teori-teori berikut:-

- [i] Teori Sosialisasi
- [ii] Teori Pembentukan
- [iii] Teori Pengesahan

(35 markah)

2. Pilih TIGA daripada perkara-perkara berikut dan jelaskan apakah sebab-sebab pelaksanaan reformasi kurikulum terutamanya dalam perkara-perkara khusus yang disebutkan di bawah ini. Pada fikiran anda apakah masalah-masalah dan isu-isu yang berbangkit.

- [i] Mewajibkan mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah;
- [ii] Cadangan menjadikan Pendidikan Moral sebagai matapelajaran peperiksaan;
- [iii] Cadangan menjadikan Pendidikan Seks sebagai satu matapelajaran di sekolah menengah rendah;
- [iv] Keperluan matapelajaran Kemahiran Hidup dan corak penilaianya.

(35 markah)

... 2/-

BAHAGIAN B (Jawab SATU Soalan sahaja)

3. Terangkan, secara kritis, bagaimana pendidikan memainkan fungsi-fungsi berikut, dan jelaskan dengan contoh-contoh:-
- [i] menggalakkan mobiliti sosial;
 - [ii] mengagihkan orang-orang ke jawatan-jawatan yang tertentu;
 - [iii] mengesahkan golongan elite baru.

(30 markah)

4. Apakah perkara-perkara yang menyebabkan profesion perguruan selalu menjadi tumpuan penilaian masyarakat? Beri contoh-contoh usaha pihak Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan keprofesionalan dan kecemerlangan guru.

(30 markah)

5. Pertambahan dalam bilangan institusi-institusi pendidikan swasta di Malaysia kini, termasuk rancangan bergabung dengan universiti-universiti luar negara, akan membantu ke arah pencapaian cita-cita Wawasan 2020.

Bincang pendapat ini secara kritis dengan merujuk kepada isu-isu pendidikan swasta yang berkait dengan dasar mutakhir ini.

(30 markah)

- oooOooo -